

ISLAMIC HERITAGE

LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

Editors

*Hasan Bahrom
S. Salahudin Suyurno
Abdul Qayuum Abdul Razak*

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Bahrom

Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan
Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak
978-967-0637-13-6
1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom
II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,
KM 26 JALAN LENDU,
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Tel: +606 558 2058

CONTENTS

PRAKATA	i
---------	---

KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA	ii
-------------------------------	----

ARTS

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES Benkari Naima	1
RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL ‘LIVING BEINGS’ IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART Lina Kattan	15
REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff	25
TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud	38
QUR’AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR’AN TRANSCRIBING Mahdi Sahragard	49
PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob	60
SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA Abdul Attamimi & Majdi Faleh	70
KUFI LARI’: THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS’ IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin	81

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN	89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin	

GENDER

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE?	101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh	
THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN	114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi	

PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof	

CULTURE

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS	133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar	

مكتبة آشوريانبيال تراث إنساني فريد وان كمال موجانی & سميرة ميلاد عامر	140
--	-----

POLITIC

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم	148
---	-----

سعدي حيدرة

العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع المماليك الاوروبية، دراسة و تحقيق طارق عبد السلام & عصام ميلود الخراط	158
---	-----

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الخيرية وضرورة انتاجها وليس استيرادها

165

نور العارفة بنت محمد & شعيم حنك

EDUCATION

دور الشورة التعليمية والثقافية في تطوير الأمة المسلمة في منطقة مليبار، كيرلا الهند

175

على أكبر كي وي

ISLAM AND EDUCATION

182

Nasiruddin Mizy

ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT 190

Nur Rafidah Asyikin binti Idris

LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT 201
IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES

Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah

PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN 213
FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal

FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU 222
SEORANG BANDUAN

Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh

HISTORY

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN 226
Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir,
Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir &
Zurina binti Mohamed Noor

ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M 236
Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI 247
DAWLAH CUTHMĀNIYYAH
Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek

SOCIETY

نظريّة الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية عثمان بن إبراهيم غرغُدو	259
A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad	278
HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim	290
حكم تارك الصلاة طارق حميش	301
ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain	307
LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA GENDER IDENTITY DISODER, UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib	316
GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah	328
PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli	335

SCIENCE AND TECHNOLOGY

HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING 346
EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS

Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban

THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL 359
COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM

Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal

KERANGKA TEORI E-WASIAH 366

Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa

KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH 373
BERUNSURKAN ISLAM “*ISLAMIC MOBILE APPS*”

Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

ECONOMICS

المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388

عبد الله بن عمر بلعيدي

AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409

Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli

DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION 421
MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM

Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad

KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432

Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

FINANCE

A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU	443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammud, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar	
EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH	455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin	
THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU	467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammud & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias	
THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS	476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff	
PANDANGAN FUQAHÀ MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS	501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahran	
PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH	506
Najahudin Lateh, Ghafarullahhuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmy Edawati Yaacob	

PHILANTHROPY

DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin	

PHILOSOPHY

THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520

Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535

Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar , Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Padi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547

Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN TURATHIY DAN 'ILMIY TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556

Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa

LANGUAGE AND COMMUNICATION

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571

Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimeh Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581

Aziyah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593

A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارها على الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجاً محمد الأمين محمد سيلا	600
THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad	606
PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGIKUKAN UKHWAH KEKELUARGAAN Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhrulnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid	614
KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar	620
PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri	627
AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof	636
HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak	645
PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim	651

MANAGEMENT

THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659

Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof

COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680

Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman

THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688

Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh

A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692

Azman Che Omar



Prakata

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan, sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan ‘kaya’ dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan. Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalankan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmuan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,

1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015),

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Melaka.

Kata Aluan Rektor UiTM Melaka

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference* 2015 yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.

Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri. Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.

Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segalasokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM

Rektor ,
UiTM Melaka.

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN

Nor Adina Abdul Kadir *
 Nang Naemah Md Dahlan **
 Mohd Farhan Abd Rahman ***
 Nor Saeidah Jamaluddin ****

PENDAHULUAN

Naluri manusia perlu kepada hiburan. Kesenian merupakan salah satu dari cabang hiburan. Islam telah menetapkan batas-batas yang jelas yang membawa kepada kemaslahatan dan menjauhkan manusia dari sebarang keburukan. Islam telah menghidupkan berbagai bentuk seni yang sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuannya.⁵⁷ Antaranya ialah seni khat, seni bina, seni suara, lagu dan irama, seni sastera, seni pembuatan dan sebagainya. Konsep seni menurut perspektif Islam ialah membimbing manusia ke arah ketauhidan dan pengabdian diri kepada Allah swt. Seni dibentuk bagi melahirkan manusia yang baik dan beradab. Motif seni bermatlamatkan kebaikan dan berakhlik. Selain itu, seni juga seharusnya lahir sebagai satu proses pendidikan yang bersifat positif dan tidak lari daripada batas-batas syariat Islam.⁵⁸ Menurut Abdul Rahman Nawas, seni merupakan sesuatu yang indah. Seni didefinisikan sebagai manifestasi daripada perasaan dan fikiran dengan pelbagai cara dan bentuk. Seni wujud dalam bentuk sastera, lagu, tulisan, senibina dan sebagainya.⁵⁹

Dari sudut bahasa, seni ditafsirkan sebagai sesuatu yang halus, indah dan permai. Seni juga dilihat sebagai sesuatu yang menyenangkan hati manusia sama ada hasil ciptaan manusia sendiri atau kurniaan Allah swt. Ghazali Darusalam telah menulis bahawa Al-Farabi menjelaskan seni sebagai ciptaan yang berbentuk keindahan manakala menurut Al-Ghazali pula seni ialah “kerja yang berkaitan dengan rasa jiwa manusia yang sesuai dengan fitrahnya”.⁶⁰ Dari segi bahasa, Kamus Dewan mendefinisikan seni sebagai halus, kecil, elok dan tipis. Manakala dari segi istilah pula bermaksud suatu karya sama ada sajak, lukisan atau muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil dari sesuatu ciptaan.⁶¹ Dalam Bahasa Inggeris, seni disebut sebagai *art*, berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud kecekapan dan kebolehan.⁶² Ia meliputi kecekapan dan kebolehan dalam segala usaha penciptaan bentuk-bentuk atau karya yang memberi kesenangan estetika. Estetika atau *aesthesia* dalam Bahasa Yunani membawa makna kepekaan iaitu tertumpu kepada penciptaan yang berkaitan dengan keindahan.

Kamus Melayu Global telah mendefinisikan kesenian sebagai sesuatu yang bukan sifat, ciri dan lain-lain berkaitan dengan seniman.⁶³ Seni dijelaskan sebagai sesuatu yang indah, cantik dan halus yang dihasilkan melalui imaginasi dan kreativiti manusia. Secara tidak

* Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Alor Gajah Melaka;
 nor_adina@yahoo.com

** Tutor di Akademi Pengajian Universiti Malaya

*** Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Tapah Perak

**** Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Alor Gajah Melaka

⁵⁷ Yusof Al-Qardawi (2001), *Al-Islam Wa Al-Fan*. Johor: Percetakan Jahabersa Sdn. Bhd., h. 7.

⁵⁸ Mahdi Shuid, Rumaizuddin Ghazali & Hazlina Mansor (2003), *Tamadun Islam*, Selangor, Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 227.

⁵⁹ Abdul Rahman Nawas (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Hajji Abdul Majid, h. 216.

⁶⁰ Ghazali Darusalam (2001), *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 232.

⁶¹ Noresah Baharom *et.al* (ed.) (2007), Kamus Dewan Edisi Keempat, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1452.

⁶² Mahayudin Yahaya (2001), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 452.

⁶³ Hassan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn. Bhd., h. 1027.

langsung, ia mampu memberi ketenangan kepada manusia khususnya. Menurut Amir A. Rahman, Herberd Read dalam bukunya yang bertajuk *The Meaning of Art*, telah memberi takrif seni sebagai usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan.

*“nilai-nilai indah, tidak cantik adalah bidang yang termasuk ke dalam seni. Nilai keindahan dalam kehidupan manusia kadang-kadang lebih berpengaruh daripada nilai-nilai logik. Umpamanya orang sering berkata: alangkah cantiknya! Daripada: alangkah benarnya! Seorang lelaki biasanya lebih tertarik kepada wanita yang cantik daripada memerhatikan tingkah lakunya. Keindahan adalah suatu nilai yang berada di dalam diri seseorang yang menghukum sesuatu objek sama ada cantik atau tidak cantik”.*⁶⁴

Sidi Gazalba pula mentakrifkan seni sebagai sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana fitrah manusia yang cinta kepada sesuatu yang menyenangkan hati melalui pancaindera. Penciptaan bentuk-bentuk kesenian tersebut mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai estetika Islam. Nilai dalam estetika itu ialah akhlak.⁶⁵ Seni merupakan suatu kreativiti, kepakaran dan kebolehan seseorang individu dalam menghasilkan ciptaan yang indah, dapat dihayati dan mempunyai nilai-nilai estetika yang mampu menarik perhatian sesiapa yang menatapnya. Manakala hasil seni ialah suatu ciptaan yang halus, indah dan cantik yang terhasil daripada kreativiti seseorang individu. Kesenian juga merangkumi hasil kerja seni yang berlandaskan ajaran Islam. Elemen dalam kegiatan seni sering terpengaruh dengan nilai-nilai estetika atau resapan keindahan alam sekeliling. Islam tidak melarang penganutnya menikmati keindahan alam dengan syarat ianya tidak bercanggah dengan syariat Allah. Sesuatu yang indah bukan sahaja dilihat daripada kecantikan semata-mata tetapi mestilah baik dan benar manakala sesuatu yang bertentangan tidak boleh dianggap indah walaupun pada pandangan manusia ia begitu mempesonakan dan menarik.

CIRI-CIRI KESENIAN ISLAM

Menurut Sidi Gazalba, seni dapat dinikmati dengan empat cara iaitu pertama, melalui pendengaran. Jenis ini dapat dilihat melalui seni muzik dan deklamasi sajak. Kedua, melalui pandangan iaitu seni tari, seni bina dan seni lukis. Ketiga, melalui pendengaran dan pandangan iaitu seni persembahan seperti dari filem, drama dan teater. Keempat, melalui bacaan yang terdiri dari bacaan prosa dan puisi.⁶⁶ Empat ciri utama kesenian Islam ialah keindahan, unsur moral, kepelbagaiannya dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika.

1. Keindahan

Fitrah setiap manusia adalah menyukai keindahan, merasai dan menikmati keindahan tersebut dalam segenap kehidupan. Keindahan merujuk kepada rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan, yang baik dan dihargai. Perkataan indah itu secara langsung mengambarkan suatu rasa yang menggembirakan dan menyenangkan hati. Maka, seni dengan ciptaan yang indah amat digalakkan dalam Islam. Di dalam hadith juga telah menyebutkan bahawa ‘sesungguhnya Allah itu Maha indah dan sukakan keindahan’. Oleh itu, keindahan bukan sahaja dilihat secara realiti, bahkan juga boleh dirasai melalui akal dan jiwa manusia.

⁶⁴ Amir A. Rahman (1991), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 134.

⁶⁵ Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10.

⁶⁶ Sidi Gazalba (1997), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 23.

2. Unsur moral

Seni dalam Islam hendaklah bebas dari unsur negatif dengan menetapkan garis panduan supaya kesenian tersebut tidak terpesong dan bertentangan dengan ajaran agama. Oleh itu, unsur moral mempunyai perkaitan rapat dengan seni dan tidak dapat dipisahkan. Kesenian Islam perlu berunsur kebaikan dan bebas daripada unsur negatif kerana kesenian Islam merupakan pantulan agama pada kebudayaan yang mengandungi nilai-nilai akhlak dan bersendikan nilai-nilai murni untuk mendapatkan keredhaan Allah.⁶⁷ Oleh itu, apa-apa sahaja bentuk kesenian yang tercipta tidak akan terpesong dari ajaran Islam yang benar dan akan mendapat keredaan Allah swt.

3. Kepelbagaiannya dalam kesatuan

Ajaran Islam telah tersebar luas melewati sempadan geografi pelbagai budaya. Kesenian Islam yang tersebar secara tidak langsung memberi sumbangan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dijelaskan melalui penghasilan pelbagai bentuk seni seperti seni bina, seni persembahan, seni kaligrafi, seni pakaian dan sebagainya. Kesemua bentuk seni ini adalah berbeza, namun tetap menggunakan peraturan yang ditetapkan dalam seni Islam. Prinsip dan fungsi kesenian Islam masih tetap memperlihatkan kesatuan yang jitu.

4. Hubungan antara agama, etika dan estetika

Hubungan yang indah dan baik adalah merupakan hubungan antara agama, etika dan estetika. Fungsi perhiasan adalah untuk keindahan, manakala keindahan adalah akar kesenian dan tujuan perhiasan adalah untuk kesenangan.⁶⁸ Kesenian Islam dicipta dengan tujuan mendapat keredhaan Allah swt. Seni yang dihasilkan juga bukan bertujuan untuk menunjukkan. Seni dilahirkan oleh agama dan etika akan merumuskan ajaran agama samada baik atau buruk. Di sini jelas menunjukkan eratnya hubungan antara agama, etika dan estetika. Setiap karya seni hendaklah mengandungi nilai murni yang bebas dari unsur negatif bagi mengelakkannya tergelincir dari landasan yang sebenar.

HUKUM SENI MENURUT ULAMA

Islam tidak melarang segala bentuk hiburan asalkan tidak bertentangan seperti yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, sewaktu Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah baginda telah disambut oleh penduduk Madinah dengan lagu yang diiringi muzik. Akan tetapi, muzik yang digunakan adalah tidak melewati batas yang ditetapkan oleh Islam dan tidak menghairahkan serta tidak melalaikan pendengar yang mendengar. Seni merupakan suatu ciptaan dan kreativiti yang dibenarkan dalam Islam asalkan tidak bertentangan dengan syarat yang dikenakan. Setiap apa yang telah dibenarkan di dalam Islam mempunyai hukum-hukumnya yang tersendiri. Jika dilihat secara langsung, terdapat lima jenis hukum seni di dalam Islam. Antaranya ialah wajib, sunat, makruh, harus dan haram.⁶⁹

Hukum seni menjadi wajib sekiranya seni tersebut amat diperlukan oleh seorang Muslim yang mana tanpanya individu tersebut akan jatuh mudarat. Sebagai contoh, kita menjadikan seni mencantikkan reka bentuk masjid bagi menarik perhatian orang untuk berkunjung ke sana. Hukum yang kedua adalah sunat jika kesenian itu diperlukan untuk membantu atau menaikkan semangat penyatuan umat Islam. Contohnya, seni lagu nasyid, qasidah dan selawat di dalam sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, sesuatu kesenian akan menjadi makruh apabila membawa kepada unsur yang sia-sia seperti sesuatu karya seni yang

⁶⁷ Abdullah Yusof (2001), *Aktiviti Seni dalam Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 7-8.

⁶⁸ Abdullah Yusof (2001), *Aktiviti Seni dalam Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 9.

⁶⁹ Engku Ibrahim et.al (1992), *Konsep Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 18.

tidak diperlukan oleh manusia. Hukum yang keempat adalah haram apabila kesenian itu melekakan manusia sehingga mengabaikan kewajipan seorang hamba terhadap pencipta. Seni juga menjadi haram apabila memberi khayalan kepada semua sehingga tidak dapat membezakan antara hak dan batil seperti dicampuri dengan benda-benda yang dilarang Islam seperti arak, judi dan dadah. Hukum yang terakhir adalah harus yang mana apabila apa sahaja bentuk seni yang tidak ada nas yang mengharamkannya.⁷⁰

PERBEZAAN DI ANTARA SENI ISLAM & SENI BARAT

Sesuatu seni yang terhasil dari seni Islam bukanlah hasil yang sia-sia, ia mempunyai nilai yang berguna untuk dihayati oleh manusia, menolak keraguan, pembaziran dan ketegangan. Terdapat banyak perbezaan di antara seni Islam dan seni Barat di mana seni Barat lebih menekankan dasar sekularisme.⁷¹ Dasar ini secara tidak langsung telah memisahkan hal dunia dengan hal keagamaan. Bagi Barat, seni merupakan sesuatu yang ideal dan berkaitan dengan moral. Masyarakat Barat sering menghasilkan seni yang membawa kepada unsur-unsur pembaziran dan keceluaran. Sebagai contoh, seni muzik Barat biasanya mempunyai lirik-lirik yang mengandungi unsur-unsur lucah, menghina tuhan, dan melampaui batas.

Barat menganjurkan dua tujuan seni iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Seni untuk seni bertujuan untuk seni sahaja dan orang yang mencipta seni ini bebas untuk apa-apa tujuan tidak kira tujuan itu berniat baik atau buruk. Ini berbeza dengan Islam kerana Islam menentang keras tujuan seni untuk seni. Bagi Islam, tiada tujuan seni untuk seni kerana seni Islam mementingkan unsur kebaikan di dalamnya di mana seni perlu menjurus kepada *amar makruf nahi munkar*, tunduk kepada pencipta dan untuk kepentingan umum. Ini dapat dikaitkan dalam pembinaan masjid yang mana ukiran-ukiran dan hiasan yang dihasilkan oleh seniman Islam adalah untuk dihayati oleh masyarakat manusia amnya. Perbezaan di antara seni Islam dan seni Barat adalah bergantung kepada niat atau tujuan serta nilai akhlak terhadap sesuatu seni yang dihasilkan. Seni Islam ini haruslah dihasilkan dengan dengan tujuan yang baik. Sebagai contoh, nasyid merupakan salah satu cabang dari seni muzik yang dicipta bertujuan untuk membangkitkan roh-roh keislaman dan semangat perjuangan. Seni Islam sentiasa berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyu iaitu bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dan selaras dengan tuntutan syara' serta tidak melampaui batas yang ditetapkan. Seni Islam tidak bermatlamatkan hiburan, tujuan keduniaan atau keseronokan di mana ianya tidak ke arah hedonisme.

Di sini, disertakan contoh perbezaan di antara seni Barat dan seni Islam dalam salah satu cabang seni iaitu seni rupa. Seni rupa bagi seni Islam mencerminkan nilai-nilai yang meliputi seluruh aspek kehidupan manakala bagi seni Barat, lebih menekankan untuk melahirkan watak individu dan pernyataan perasaan jiwa individu di mana ianya lebih untuk melahirkan sifat keegoan. Masyarakat Barat mengenepikan persoalan akhlak dalam menghasilkan sesuatu seni. Sebagai contohnya, penghasilan gambar yang berunsur lucah menggambarkan betapa rendahnya moral mereka. Manakala dalam Islam, sesuatu seni yang dihasilkan sentiasa mengikut kehendak syarak. Seni rupa dalam Islam bersumberkan kepada prinsip-prinsip Islam yang memperlihatkan unsur kesatuan dalam kepelbagaiannya atau nilai kerohanian manakala seni Barat lebih memberi fokus terhadap manusia sebagai objek penentu dan menganggap agama bersifat ritual semata-mata. Banyak hal-hal yang membezakan di antara seni Barat dan seni Islam di mana Barat mengamalkan dasar sekularisme di dalam penghasilan sesuatu seni. Manakala Islam tidak memisahkan Islam sebagai *ad-din* di dalam menghasilkan seni.

⁷⁰ Syeikh Muhammad Yusug Qardhawi (1980), *Halal dan Haram dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, h. 129-158.

⁷¹ Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 72.

TUJUAN DAN KEISTIMEWAAN SENI ISLAM

Seni Islam bertujuan mengangkat martabat manusia ke tempat yang tinggi dan tidak terpisah daripada nilai-nilai kemanusiaan. Contohnya, seni selain Islam yang melibatkan penciptaan patung berbentuk manusia dan binatang yang bertujuan untuk disembah. Ini dapat menjatuhkan kemuliaan manusia itu sendiri dan kerana itulah seni Islam mengharamkan penciptaan sesuatu yang motifnya berbentuk manusia dan haiwan. Seni Islam juga berupaya menanam rasa ketenangan dalam jiwa manusia kerana ia melahirkan perasaan khusyuk sewaktu menghayati karya tersebut. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Ismail Hamid dalam penulisan buku oleh Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Mohd Ludin:

*seni dalam Islam menanam rasa khusyuk kepada Allah di samping memberi ketenangan di jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemar kepada kesenian. Oleh itu, seni dalam Islam tidak berslogan seni untuk seni tetapi sebagai seni kerana Allah untuk manusia.*⁷²

Seni Islam juga dapat memancarkan daya intelek. Sebagai contoh dalam pembinaan sesuatu binaan seperti pembinaan masjid yang menggunakan corak geometri. Pembinaan corak geometri ini memerlukan kepandaian dan kepintaran dalam menghasilkan corak, bentuk dan ukuran yang bersesuaian. Sebagaimana yang dikatakan oleh Dalu Jones:

*Seni Islam ialah seni yang lebih mengutamakan intelek daripada emosi yang dengannya segala yang tersingkap dapat diluahkan. Ia merupakan seni yang mempunyai konsep yang mampu menseimbangkan pertanyaan dengan jawapan.*⁷³

Kesenian Islam menghubungkan manusia dengan tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan makhluk.⁷⁴ Seni Barat telah terpisah dengan agama dan secara tidak langsung ia tiada hubungan dengan pencipta kerana mengamalkan dasar sekularisme. Biasanya seseorang yang mempunyai bakat dalam bidang seni adalah kerana bakat itu dianugerahkan oleh Tuhan kepadanya. Secara tidak langsung, hubungan manusia dengan Tuhan itu wujud disebabkan keistimewaan yang dikurniakan Tuhan kepadanya.

MANFAAT DAN KEINDAHAN SENI DALAM AL-QURAN.

Al-Quran menyeru manusia supaya melihat unsur kebaikan dan keindahan yang dicipta oleh Allah serta mengkaji manfaat dan faedah bagi setiap ciptaan tersebut. Contohnya, penciptaan ulat sutera yang menghasilkan benang sutera adalah untuk membolehkan manusia menghasilkan pakaian. Dengan ini, secara tidak langsung manusia dapat merasai kelembutan dan kehalusan keindahan yang telah mereka hasilkan. Al-Quran juga telah mengatur dan mengajar manusia cara menikmati keindahan serta memanfaatkannya sepertimana dalam firman Allah dalam Surah Al-Nahlu ayat 5 yang bermaksud:

Maksudnya: Dan dialah yang menciptakan binatang ternakan untuk kamu. Padanya ada bulu yang menghangatkan badan dan berbagai manfaat lain dan sebagainya untuk kamu makan dagingnya.

⁷² Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 98.

⁷³ Dalu Jones (1978), *Surface, Pattern and Light*, in George Michell “Architecture of the Islamic World: Its History & Social Meaning”, London: Thames & Hudson, h. 162.

⁷⁴ Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib (1997), *Tamadun Islam*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 138.

Ayat di atas menyeru manusia supaya berfikir tentang manfaat yang bakal diperolehi dari penciptaan binatang seperti binatang ternakan yang mana bulunya boleh dijadikan sebagai pakaian untuk mengelakkan manusia dari kesejukan dan kepanasan serta untuk menutup aurat. Manakala dagingnya dijadikan makanan oleh manusia sehingga berguna untuk kesihatan dan perkembangan tubuh badan. Allah juga telah mencipta pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, biji-bijian untuk keperluan manusia dan mereka dapat mengambil pelbagai faedah dan manfaat darinya. Firman Allah dalam Surah Al-An'am ayat 99:

Maksudnya: *Perhatikanlah buahnya di waktu pohnnya berbuah dan perhatikan pula kematiangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang beriman.*

Selain manusia dapat merasai keenakan buah-buahan tersebut, jiwa juga dapat menikmati keindahan buah-buahan di saat ia berbuah dan masak. Dengan cara ini, martabat manusia meningkat dari keinginannya untuk memenuhi keperluan perut semata-mata kepada keinginan untuk menikmati keindahan dari buah-buahan yang mereka makan.⁷⁵

PERANAN DAN PRINSIP SENI

Peranan seni yang utama ialah mengukuhkan tauhid di kalangan umat. Seni didapati dalam dua bentuk iaitu ‘seni untuk seni’ dan ‘seni untuk masyarakat’.⁷⁶ Seni untuk seni membenarkan kesenian itu digunakan untuk seni sahaja. Seseorang itu dibolehkan untuk mencipta unsur seni dengan apa-apa sahaja tujuan. Ia tidak mengambil kira sama ada tujuan itu untuk kebaikan ataupun sebaliknya. Keindahan merupakan tujuan utama penciptaan seni untuk seni. Ringkasnya, pencipta hanya akan mengabdikan diri kepada seni itu sendiri. Demi seni semuanya dibolehkan asalkan tidak mencabuli prinsip-prinsip seni.⁷⁷

Manakala seni untuk masyarakat pula ialah seni yang dicipta itu mempunyai tujuan untuk masyarakat tersebut. Maka, seni itu haruslah difahami oleh mereka dan ia digunakan tujuan kemasyarakatan, politik, akhlak dan bukan untuk keindahan sahaja. Seni untuk masyarakat seni Islam yang mengagungkan pencipta melalui keindahan. Dengan kata lain, keindahan bukanlah tujuan utama tetapi sebagai satu cara untuk menyampaikan tujuan sebenar iaitu tauhid.⁷⁸ Di antara prinsip-prinsip kesenian Islam ialah:

- i. Mengangkat martabat insan dengan tidak meninggalkan nilai kemanusiaan, nilai persekitaran dan sejagat. Alam sekitar sebagai galeri, manakala manusia adalah seniman yang menggarap segala unsur kesenian, tunduk dan patuh untuk keredhaan Allah swt
- ii. Mementingkan persoalan akhlak dan kebenaran yang menyentuh aspek-aspek estetika, kemanusiaan, moral dan lain-lain.
- iii. Kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung kepada keseluruhan kesahihan Islam. Menurut Islam, kesenian yang mempunyai nilai tertinggi akan mendorong ke arah ketaqwaan, kemakrufan, kesahihan dan budi yang mantap.
- iv. Kesenian Islam terpancar daripada wahyu Allah, sama seperti undang-undang Allah dan syariatNya. Ia harus berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyu. Ini yang membezakan kesenian Islam dengan kesenian bukan Islam.

⁷⁵ Yusuf Al-Qardawi (2001), *Al-Islam Wa Al-Fan*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 18.

⁷⁶ Mahayudin Yahaya (2005), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 449.

⁷⁷ Mahayudin Yahaya (2005), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 449.

⁷⁸ Mahayudin Yahaya (2005), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 449.

- v. Kesenian Islam menghubungkan manusia dengan tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan makhluk.

BENTUK-BENTUK SENI

1. Seni Suara Dan Lagu

Suara merupakan alat komunikasi sesama manusia. Seni suara merupakan suatu seni yang melahirkan perkataan yang indah atau bahasa yang indah-indah dan enak didengar oleh halwa telinga. Menurut Kamus Dewan suara ditakrifkan sebagai bunyi manusia (bercakap) atau bunyi binatang, bunyi alat perkakasan seperti radio dan televisyen.⁷⁹ Seni suara sinonim dengan kerawitan, seni muzik, seni nyanyi, seni lagu dan irama.⁸⁰ Seni suara dibahagikan kepada dua iaitu seni suara yang baik dan seni suara yang buruk.⁸¹ Seni suara yang baik merangkumi bacaan al-Quran dengan suara yang merdu, syahdu dan lunak, melagukan azan serta menyanyikan lagu-lagu jihad berzikir, mendendangkan nyanyian hari-hari raya, menyanyikan selamat jalan dan selamat kembali untuk para jemaah haji dan sebagainya.

Seni suara yang buruk pula ialah nyanyian yang berunsur lucu atau berahi lagu-lagu joget dan tari menari yang bercampur di antara lelaki dan perempuan bukan mahram, lagu yang boleh merosakkan budi pekerti muda-mudi. Lagu-lagu di dalam yang mengatakan tentang kelazatan arak, lagu yang bercorak memuji seseorang samada lelaki maupun perempuan dan juga lagu yang melalaikan daripada mengingati Allah.

Seni suara, lagu dan muzik sering terdapat percanggahan di dalam Islam. Meskipun begitu, penggunaan seni suara, lagu dan muzik dan bunyi-bunyian akan tetap halal sekiranya menepati ciri dan niat yang telah digariskan oleh para ulama Islam. Nyanyian dan muzik merupakan hiburan dalam jiwa manusia. Di dalam Islam, kedua-duanya haruslah bertujuan ke arah pembentukan peribadi dan sebagai tali penghubung ke arah taqwa kepada Allah. Lagu dan irama merupakan satu manifestasi yang indah untuk dinikmati oleh telinga. Aspek kesenian seni suara yang berlandaskan Islam yang harus kita ikuti ialah suara yang dikeluarkan hendaklah tidak mendatangkan fitnah. Bagi seseorang perempuan, perkara yang boleh mendatangkan fitnah adalah apabila mereka melunakkan suara. Selain itu, lirik-lirik dalam seni muzik dan lagu perlu mempunyai unsur ketuhanan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

Aspek-aspek yang lain adalah tidak melalaikan pendengar yang mendengar. Lagu nasyid haruslah diselitkan dengan unsur nasihat yang membina, tidak mengganggu ketenteraman orang ramai, mempunyai muzik yang lembut dan berdisiplin, diadakan di tempat yang baik seperti di majlis perkahwinan, pada hari raya dan bukan di kelab-kelab malam. Selain itu, orang yang datang haruslah berpakaian sopan serta tidak bercampur di antara lelaki dengan perempuan. Aspek yang terakhir adalah tidak ada disediakan unsur-unsur yang haram seperti penyediaan arak dan zina. Al-Ghazali telah mengklasifikasikan nyanyian atau lagu kepada tujuh jenis iaitu lagu yang bertujuan membangkitkan kerinduan menziarahi tempat suci seperti Mekah dan Madinah. Seterusnya, lagu yang bertujuan membangkitkan semangat juang mempertahankan akidah dan agama dan lagu yang memperihalkan pertarungan dan sikap jantan yang pantang mengalah. Selain itu, klasifikasi lagu yang lain ialah lagu kenangan peristiwa lampau yang menimbulkan kesedihan yang positif, lagu yang menyifatkan situasi rela dan sukacita, lagu yang bercorak ghazal, perihal kisah cinta dan lagu

⁷⁹ Noresah Baharom *et.al* (ed.) (2007), Kamus Dewan Edisi Keempat, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1528.

⁸⁰ Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar BM Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 1685.

⁸¹ Engku Ibrahim *et.al* (1992), *Konsep Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 13.

yang memperihalkan keagungan dan sifat-sifat tuhan, memuji dan mentahmidkan kebesarannya.⁸²

2. Seni Ukir

Perkataan ukir menurut kamus Dewan ialah lukisan yang dibuat dengan memahat (menggores, menorah, dll) pada barang-barang perhiasan.⁸³ Seni ukir terdiri daripada pelbagai cabang seperti seni khat, seni lukis dan sebagainya. Perkembangan seni ukir adalah seiring dengan perkembangan seni-seni lain terutama seni bina Islam. Hal ini kerana bangunan dan binaan tersebut biasanya dihiasi dengan ukiran yang bertujuan untuk mengindahkan dan menampakkan keunggulannya. Seni ukir memerlukan kemahiran yang tinggi kerana ia bukan hanya sekadar hiasan pada bentuk seni rupa sesuatu ciptaan, tetapi juga memperlihatkan yang terangkum di sebalik elemen ukiran yang simbolik. Biasanya ukiran yang dipahat berupa dalam beberapa bentuk seperti berimejkan hidupan yang bernyawa, alam tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Seni ukir seringkali dilihat terukir indah pada bangunan masjid dan kediaman pemerintah atau pembesar Islam. Ia dilengkapi dengan hiasan berupa ukiran dari petikan ayat al-Quran dan imbasan motif-motif tertentu dari unsur alam persekitaran. Ia juga melambangkan kebesaran Allah dan kepatuhan manusia sebagai makhluknya.

Dalam ukiran patung melukis atau memahat sesuatu gambar berbentuk patung dengan sengaja dan bertujuan untuk disembah hukumnya adalah kafir. Ibn Hajar al-Asqalani berpendapat sesiapa yang melukis atau memahat patung dengan tujuan menyamakan ciptaan Allah swt termasuklah golongan orang kafir. Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa pemahat-pemahat patung dan orang-orang yang menjadikan patung sebagai perhiasan adalah berdosa besar.⁸⁴

3. Seni Khat

Khat dari sudut etimologi bahasa Arab bermaksud garisan atau tulisan yang indah (*tahsin al-khutut*). Teori asal-usul seni khat Islam dapat dilihat dua sudut iaitu dari sudut keagamaan dan sudut sejarah. Dari sudut keagamaan, asal usul seni khat Islam bermula di zaman Nabi Adam as, orang pertama yang mencipta tulisan ialah Nabi Adam as melalui wahyu. Teori ini telah ditulis oleh al-Qalqasyandi di dalam buku karangan beliau.⁸⁵ Manakala dari sudut sejarah, Ibn Khaldun dalam penulisan oleh Mustafa Daud menyatakan bahawa tulisan jenis masnad yang berasal daripada Yaman, kemudian berpindah kepada keluarga al-Munzir di Herat. Tulisan ini lahir pada zaman kerajaan Saba' dan Himyar.⁸⁶ Selain itu, ada pendapat lain yang mengatakan ia berasal dari Herat dan akhirnya ke Hijaz. Ia sampai ke Hijaz melalui dua jalan iaitu jalan dekat Nabati ke Batra ke Ula ke Madinah dan Mekah dan jalan yang kedua ialah jalan jauh melalui Harran ke Lembah Furat ke Daumatul Jandal ke Madinah, Mekah dan Taif.⁸⁷ Enam jenis khat ada enam jenis yang ada ialah khat Kufi, khat Nasakh atau Naskhi, khat Thuluth, khat Raihani, khat Diwani dan khat Diwani Jali.

⁸² Abd Ghani Samsuddin (2001), *Seni dalam Islam*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, h. 36.

⁸³ Noresah Baharom *et.al* (ed.) (2007), Kamus Dewan Edisi Keempat, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1758.

⁸⁴ Syeikh Muhammad Yusug Qardhawi (1980), *op.cit.*

⁸⁵ Abu al-Abbas Ahmad Ibn Ali al-Qalqasyandi, *Subh al-A'sya*, Jil. 1, Kairo: Wazarah Al-Thaqafah wa al-Irsyad al-Qawmy, h. 6.

⁸⁶ Mustafa Haji Daud (1997), *Tamadun Islam*, cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd., h. 370.

⁸⁷ Mustafa Daud (1997), *Tamadun Islam*, cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd., h. 371.

4. Seni Bina

Seni bina Islam merupakan seni yang mempunyai keunikannya dan berkembang pesat seiring dengan seni ukir dan seni khat. Ini dapat dilihat dalam setiap binaan yang dibina oleh para arkitek Islam yang memasukkan unsur Islam di dalamnya. Menurut Ab. Alim dan Syed Idrus, seni bidang ialah satu bidang seni untuk mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia untuk digunakan oleh manusia.⁸⁸ Menurut Ibn Khaldun, seorang ahli sosiologi terkenal:

*"Tidak ada sesuatu bangsa, tidak ada yang dapat melahirkan cita-cita dan kebatinan salah satu kaum, dengan rupa yang lebih jelas, selain daripada pertukangan dan bangunan berbagai-bagai gedung. Kedudukan rohani setiap bangsa, pandangan hidupnya, cita-citanya dapat dirupakan pada bangunan-bangunan yang didirikannya. Ilmu bangunan ialah satu manifestasi kekuatan rohani, yang hidup dalam kalangan bangsa. Tiap-tiap bangsa yang mendorong ke arah kemajuan pasti mempunyai kepintaran ilmu bangunan (binaan), sebagai bukti betapa ketinggian peradapan dan cita-cita kebatinannya. Demikian pula, roh Islam telah lahir dengan rupa yang amat hebat dan menakjubkan di tengah-tengah bangsa-bangsa dengan kekuatan himmah, perasaan halus yang diperolehinya, berkat dorongan dan kekuatan agama Islam."*⁸⁹

Ilmu seni bina yang dimiliki oleh umat Islam diperolehi daripada bangsa Parsi, Romawi, Turki, Byzantine, Sepanyol dan lain-lain.⁹⁰ Dengan bakat ini, mereka telah membina kota-kota besar, istana-istana serta masjid-masjid yang menarik dan indah di Syria, Sepanyol, dan Mesir sekaligus memperlihatkan pengaruh-pengaruh dari sana di dalam binaan yang dibangunkan. Hubungan di antara seni bina Islam dan perkembangan Islam bertaut erat kerana melalui seni binalah Islam berjaya menempa sejarah kehidupan tamadun dan menaikkan tamadun Islam ke kemuncak kegemilangan. Antara ciri-ciri utama seni bina Islam menurut I.H. Qureshi⁹¹ ialah:

- i. Mempunyai ruang untuk memasukkan cahaya ke dalam bangunan. Hal ini sesuai dengan keadaan persekitaran yang dapat memberikan keselesaan kepada umat Islam mengerjakan solat di dalam masjid atau kediaman.
- ii. Bahan hiasan yang menonjol ialah tulisan khat atau kaligrafi yang dipetik dari ayat al-Quran dan hadis yang melambangkan kehidupan umat Islam.
- iii. Mempunyai ruang pemisah di antara lelaki dan perempuan.
- iv. Menyesuaikan reka bentuk bangunan dengan iklim dan keadaan setempat.
- v. Perabot dalam bangunan adalah sederhana dan indah.
- vi. Bercirikan luahan perasaan, keamanan, ketenangan, keheningan dan tidak wujud sebarang pertentangan antara unsur kerohanian dengan kebendaan.
- vii. Keselamatan bangunan hendaklah selamat digunakan dalam jangka waktu yang lama.

Seni bina Islam yang paling menonjol adalah seni bina masjid. Ia berfungsi untuk berdoa dan berikhtikaf di samping melakukan ibadat-ibadat lain seperti solat berjemaah dan solat

⁸⁸ Ab Alim & Syed Idrus (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 6.

⁸⁹ Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahada dan Pustaka, h. 25.

⁹⁰ Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahada dan Pustaka, h. 25.

⁹¹ Mahayudin Yahaya (2001), *Tamadun Islam*, cet. 2. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 450.

terwih. Masjid juga sebagai tempat menyampaikan maklumat berkaitan dengan urusan kemsyarakatan. Ia juga tidak terbatas kepada aspek agama sahaja kerana aspek keduniaan juga disampaikan di sini. Fungsi masjid juga bertambah iaitu sebagai perpustakaan. Di dalamnya dikumpulkan kitab-kitab dan buku-buku berkaitan dengan agama. Di zaman Rasulullah saw, masjid dijadikan sebagai hospital merawat mangsa yang cedera dalam peperangan dan tempat pengumpulan wang zakat atau baitulmal.

5. Seni Pakaian

Pakaian merupakan antara keperluan asas yang dititikberatkan setiap peringkat manusia. Tanpa pakaian, manusia tidak dapat melindungi maruah diri dan terdedah dengan pelbagai bahaya. Pakaian yang dituntut oleh Islam adalah pakaian yang sopan dan tidak melampau garis yang ditetapkan Islam. Di samping itu, Islam tidak memandang remeh terhadap soal kebersihan kerana kebersihan dianggap sebagai asas setiap perhiasan yang baik dan memberi pemandangan yang elok dalam berpakaian. Pakaian bertindak sebagai penutup aurat dan bertujuan untuk menghias diri, memelihara individu dari cuaca dan mempertahankan diri dalam peperangan. Sebagai contoh, baju besi dicipta bagi melindungi tentera Islam tercedera. Setiap individu muslim diwajibkan berpakaian menutup aurat lebih-lebih lagi dalam menuaikan ibadat haji dan solat. Islam menghalalkan pakaian yang diperbuat dari bulu kambing, sutera, kulit binatang yang halal, pakaian dari benang guni dan sebagainya. Namun, Islam mengharamkan orang lelaki Muslim memakai sutera dan perhiasan emas.

6. Seni Kesusasteraan Islam

Muhammad ‘Uthman el-Muhammady mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai seni suci iaitu seni yang mengagungkan Allah swt, suci daripada pengaruh keduniaan, kebendaan, nafsu dan sebagainya. Ia hanya dipenuhi dengan keikhlasan, keimanan, ketakwaan dan peribadatan. Manakala Yusuf Zaki Yaakub mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai karya kreatif yang mempunyai unsur dakwah iaitu karya kesusasteraan yang sentiasa menyeri manusia melakukan perkara makruf dan mencegah daripada melakukan perkara mungkar.⁹² Ismail Ibrahim mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai tulisan yang berdasarkan kepada tauhid.⁹³ Kesusasteraan Islam merupakan karya yang mengandungi unsur yang dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Kesusasteraan Arab telah muncul sejak 1500 tahun sebelum kedatangan Islam disebabkan keadaan latar belakang sosial masyarakat Arab yang berkembang dengan baik.⁹⁴ Selepas kedatangan Islam, cerita-cerita bercorak perkauman yang mengagungkan suku tertentu tidak digalakkan kerana Islam menentang fahaman perkauman (asabiyyah) dan menekankan konsep universalisme.⁹⁵ Penurunan al-Quran menyemarakkan lagi seni kesusasteraan berasaskan Islam. Ia mempunyai nilai sastera yang tinggi dan orang Arab juga terpukau dengan ayat-ayat yang terkandung di dalamnya.⁹⁶ Nabi Muhammad saw turut memberi respon positif terhadap puisi. Baginda pernah meminta sahabat mendeklamasi puisi sehingga seratus baris dalam satu perjalanan. Baginda selalunya memulakan pidato dengan puji-pujian kepada Allah, isinya menjelaskan tentang Islam dan penutupnya ialah doa.

⁹² Mustafa Haji Daud (1994), *Kesusasteraan dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 9

⁹³ Mustafa Haji Daud (1994), *Kesusasteraan dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 9

⁹⁴ Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

⁹⁵ Ismail Hamid (1982), Hubungan Kesusasteraan Arab dan Parsi dengan Kesusasteraan Melayu Lama. *Dewan Sastera*, Mac, h. 71.

⁹⁶ Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

Beliau menentang pidato yang membangkitkan perpeperangan dan semangat asabiyah.⁹⁷ Segala karangan atau karya tulisan yang menggunakan bahasa yang indah atau sastera Islam dibagikan kepada dua iaitu:

- a) Prosa Nathr: Prosa ini merupakan karangan bebas yang tidak terikat dengan sebarang peraturan.
- b) Puisi Syi'r: Puisi ini adalah karangan atau gubahan perkataan yang terikat dengan peraturan tertentu seperti sajak, pantun, tamthil, ibarat dan sebagainya.⁹⁸

Kesusasteraan Islam dihasilkan dalam dua bentuk iaitu puisi (syair dan burdah⁹⁹) dan prosa (kisah atau cerita dan biografi).¹⁰⁰ Islam menggalakkan sasterawannya menghasilkan karya yang mengandungi nasihat agama, semangat perjuangan menegakkan kebenaran, keadilan dan menghapuskan kemiskinan dalam masyarakat. Karya-karya yang dihasilkan oleh sasterawan Islam pada zaman dahulu mengandungi ilmu pengetahuan, menganjurkan kerjasama, persahabatan dan perpaduan ummah serta mengandungi puji-pujian terhadap Allah, selawat ke atas nabi, pujian ke atas para sahabat pilihan, para malaikat dan kitab-kitab suci.¹⁰¹

KESIMPULAN

Kesenian Islam adalah unik dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ia terdapat dalam pelbagai cabang seni iaitu seni rupa, seni suara, seni pakaian dan seni kesusasteraan. Di setiap cabang-cabang ini, terdapat pelbagai pecahan yang menggambarkan bahawa Islam amat menitikberatkan fitrah manusia yang sukakan seni yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Bagi tidak mensasarkan umat Islam dalam melampaui batas sesuatu kesenian itu, para ulama telah memberi garis panduan agar umat Islam dapat menikmati kesenian tanpa melebihi had yang ditetapkan dan tidak menyerupai Barat di dalam menikmati kebudayaan dan kesenian mereka.

Bagi cabang-cabang seni khususnya seni pakaian jelas menunjukkan bahawa Islam tidak menjatuhkan maruah umatnya dengan menyeru mereka supaya menutup aurat seperti yang ditetapkan syariat dan memberi peluang kepada mereka untuk berhias diri namun tidak melebihi had-had tertentu di samping mengelakkan mereka ditimpa mudarat dengan pelbagai penyakit serta melindungi diri daripada ancaman perpeperangan. Secara tidak langsung, kesenian Islam itu memperlihatkan kebijaksanaan para arkitek dan jurutera dalam membina sesebuah bangunan sekaligus menempa nama Islam di mata dunia dan membangunkan tamadun Islam ke kemuncak kegemilangan seperti di zaman dahulu. Ia juga menunjukkan kesatuan umat Islam yang tidak berbelah bagi terhadap agama Islam itu sendiri.

RUJUKAN

- Ab Alim & Syed Idrus (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd Ghani Samsuddin (2001), *Seni dalam Islam*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Rahman Nawas (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

⁹⁷ Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

⁹⁸ Seni dalam Islam, http://tamanilmu.com/downloads/RB_Seni_Dalam_Islam.pdf.

⁹⁹ Sejenis puisi yang lahir setelah kedatangan Islam dan puisi ini khususnya memuji Nabi Muhammad S.A.W.

¹⁰⁰ Mahayudin Yahaya (2005), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 481.

¹⁰¹ Seni dalam Islam, http://tamanilmu.com/downloads/RB_Seni_Dalam_Islam.pdf.

- Abdullah Yusof (2001), *Aktiviti Seni dalam Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu al-Abbas Ahmad Ibn Ali al-Qalqasyandi, *Subh al-A'sya*, Jil. 1, Kairo: Wazarah Al-Thaqafah wa al-Irsyad al-Qawmy.
- Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib (1997), *Tamadun Islam*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Amir A. Rahman (1991), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dalu Jones (1978), *Surface, Pattern and Light*, in George Michell “Architecture of the Islamic World: Its History & Social Meaning”, London: Thames & Hudson.
- Engku Ibrahim et.al (1992), *Konsep Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.,
- Ghazali Darusalam (2001), *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid (1982), Hubungan Kesusastraan Arab dan Parsi dengan Kesusastraan Melayu Lama. *Dewan Sastera*, Mac.
- _____ (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mahayudin Yahaya (2001), *Tamadun Islam*, cet. 2. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- _____ (2005), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahdi Shuid, Rumaiuzzuddin Ghazali & Hazlina Mansor (2003), *Tamadun Islam*, Selangor, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahada dan Pustaka.
- Mustafa Daud (1997), *Tamadun Islam*, cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- _____ (1994), *Kesusasteraan dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noresah Baharom et.al (ed.) (2007), Kamus Dewan Edisi Keempat, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurazmi Kuntum (1991), *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seni dalam Islam, http://tamanilmu.com/downloads/RB_Seni_Dalam_Islam.pdf.
- Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Al-Qardawi (2001), *Al-Islam Wa Al-Fan*. Johor: Percetakan Jahabersa Sdn. Bhd., h. 7.
- Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar BM Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.